

20 AUG 2002

Mahathir-komputer

PERDANA MENTERI SETUJU SKIM SPPK DIHENTIKAN

PUTRAJAYA, 20 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau amat bersetuju supaya Skim Pengeluaran Pembelian Komputer (SPPK) menggunakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dihentikan.

"Saya memang tak senang hati apabila duit EPF (KWSP) digunakan untuk tujuan lain. EPF bertujuan membiayai sara hidup selepas bersara, tapi kalau sebelum bersara kita dah belanja duit tu, esok jadi masalah," katanya.

Beliau berkata pembiayaan komputer berbeza sama sekali dengan pembiayaan membeli rumah, kerana rumah boleh diduduki sampai bila-bila sedangkan komputer lama-kelamaan akan menjadi "ketinggalan zaman".

"Itu (pembiayaan komputer) bukan tujuan penubuhan EPF," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Majlis Penyempurnaan Tasik Putrajaya di sini petang ini.

Semalam, Pengerusi Lembaga KWSP Tan Sri Abdul Halim Ali berkata SPPK yang diperkenalkan pada Julai 2001 itu, dibatalkan kerana siasatan mendapati 66.5 peratus pencarum yang mengeluarkan wang melalui skim itu telah menyalahgunakan wang itu.

Dr Mahathir berkata pencarum boleh mencari sumber lain untuk membiayai pembelian komputer kerana harga komputer kini tidak terlalu mahal, malah ada syarikat kini menyewakan komputer dengan bayaran RM50 sebulan.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Ketua Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) Indonesia, Amien Rais mengkritik Malaysia kerana mengenakan hukuman sebat terhadap pendatang tanpa izin Indonesia, Dr Mahathir berkata; "Saya tidak mahu mengulas. Bukan itu cara saya menjalin hubungan dengan negara asing.

"Sebenarnya, Singapura juga mempunyai perkara (undang-undang) serupa. Kita belajar dari Singapore lah," katanya.

Merujuk kepada Tasik Putrajaya, Perdana Menteri berkata beliau amat berpuas hati dengan perkembangan pembinaan tasik itu yang menurutnya telah mengagumkan ramai pelawat luar yang mengunjunginya di pejabatnya.

"Apabila saya tunjukkan mereka tasik ini dari pejabat saya dan terangkan bahawa ia tasik buatan, kebanyakan mereka hairan dan kagum dengan keluasan dan kecantikannya," katanya.

Berasal daripada sebuah alor seluas dua meter, tasik itu kini telah menjadi besar, cantik dan cukup dalam untuk pelbagai aktiviti riadah, dan menurut Dr Mahathir, satu kawasan pantai berpasir mungkin disediakan untuk kemudahan riadah orang ramai tidak lama lagi.

Tasik seluas 570 hektar itu turut merangkumi kawasan tanah paya seluas 197 hektar dengan kualiti airnya terkawal dan paras kedalamannya ditetapkan pada 21 meter.

Ia dibangunkan dalam dua fasa yang merangkumi pembangunan tanah paya dan sebuah empangan sementara sepanjang 380 meter dan akan dilengkapi dengan pelbagai kegiatan seperti aktiviti kapal layar, memancing, bersampan dan sukan air lain.

Dr Mahathir juga berkata walaupun pada masa ini terdapat kira-kira 30,000 orang yang tinggal di Putrajaya, hanya 85 daripada mereka adalah pengundi berdaftar di kawasan itu.

"Tak lama lagi bertambahlah, takkan nak bagi 85 orang satu wakil rakyat," katanya ketika ditanya sama ada Putrajaya akan dijadikan satu kawasan pilihan raya menjelang pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

AZH AZH MAI

